



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI JOHOR**

Tingkat 8 & 11, Lot 20485  
Menara Tabung Haji  
Jalan Ayer Molek  
80720 Johor Bahru  
JOHOR DARUL TA'ZIM

Telefon : 07-2249244/2239318  
Faks : 07-2239322  
Portal Rasmi : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.600-1/3/24(04)

Tarikh : 3 Jun 2026

17 Zulkaedah 1447H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)  
SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN (TERPERINCI) BAGI  
ARAHAN PEMBAYARAN DAN PEMANTAUAN STATUS PEMBAYARAN  
(TEPERINCI) BAGI PESANAN KERAJAAN SEHINGGA 31 MEI 2026.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a), Ketua Jabatan hendaklah meminta supaya bil dan tuntutan disampaikan dengan segera dan memastikan bahawa bil dan tuntutan itu dibayar dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna.
3. Berdasarkan Laporan Status Pembayaran (Terperinci) bagi Arahan Pembayaran dan Laporan Status Pembayaran (Terperinci) bagi Pesanan Kerajaan sehingga 31 Mei 2026, terdapat transaksi Pesanan Kerajaan dan Arahan Pembayaran yang belum selesai pembayaran (belum berstatus 80) di sistem iGFMS melibatkan PTJ dibawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.
4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk membuat semakan bagi laporan tersebut di pautan <https://tinyurl.com/mr4bu4dt> dan mengemaskini status tindakan di ruangan catatan. Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan pegawai Unit Pengurusan Dana, Puan Anuratha a/p Khatheresen (1052) atau Puan Sharina binti Sharin (1048) di talian 07-2249244 atau e-mel kepada [dana\\_jhr@anm.gov.my](mailto:dana_jhr@anm.gov.my).
5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI C.A(M), CPFA(UK), CPA(Aust.))**

Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor